

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Kerjaya Hotel Sdn.Bhd. (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka bagi pertuduhan di bawah subseksyen 9(1)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan membekalkan tenaga daripada pemasangan elektrik *Switchgear* 11kV bagi kegunaan penyewa-penyewanya tanpa lesen daripada Suruhanjaya Tenaga. Pada 17 Disember 2025, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM10,000.00. OKS telah membayar denda tersebut.